

## Leban Condong antara laluan alternatif laluan KM 72 Jalan Kuantan-Segamat

Oleh **Asrol Awang** - April 14, 2024 @ 12:28pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Jambatan bailey di Seksyen 102, Jalan Kuantan-Segamat (FT012).

**KUANTAN:** Pengguna laluan Persekutuan FT12 Kilometer 72 Jalan Kuantan-Segamat sama ada ke Muadzam Shah, Rompin atau Kuantan boleh menggunakan laluan Leban Condong sebagai alternatif bagi mengelak kesesakan.

Bagi yang ingin ke Rompin dan Johor, mereka boleh melalui laluan pantai iaitu Pekan-Nenasi-Kuala Rompin berikutan kesesakan di lokasi berkenaan pada musim perayaan boleh mengambil masa antara dua dan tiga jam.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Pahang, Razali Kassim, berkata kesesakan dilaporkan berlaku sebelum melalui jambatan panel keluli bermodular atau jambatan bailey.

Katanya, kesesakan boleh mengambil masa antara dua dan tiga jam kerana pengguna jalan raya perlu memandu secara perlahan demi keselamatan.

"Peningkatan jumlah kenderaan di Lebuhraya Kuantan-Segamat susulan anak perantau pulang dari kampung selepas cuti Aidilfitri," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Sejak beberapa hari lalu, tular pengguna jalan raya meluahkan perasaan tidak puas hati berikutan mengambil masa lama untuk tiba di jambatan bailey di Seksyen 102 FT12 Lebuhraya Kuantan-Segamat.

Mereka berasa tidak selesa kerana perlu berdepan kesesakan lebih dua hingga tiga jam untuk melepasi jambatan itu.

Pada 7 Januari lalu, laluan Persekutuan FT12 Kilometer 72 Jalan Kuantan-Segamat, Pekan ditutup berikutan mendapan tanah dikesan di laluan terbabit sehingga menyebabkan laluan berkenaan berlubang dan hampir putus.

Pada 27 Januari lalu, laluan itu kembali dibuka semula selepas jambatan bailey dibuka dua hala kepada kenderaan dengan had muatan dibenarkan tidak melebihi 20 tan dan had kelajuan 30 kilometer sejam (km/j).

Jambatan bailey jenis Acrow 700XS itu dibina sepanjang 30.48 meter dengan kelebaran 9.3 meter. Ia dilapor akan dikekalkan di tapak berkenaan sehingga penyelesaian jangka panjang diambil.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Pekan menerusi hantaran di Facebook sebelum ini, turut menasihati pengguna berhati-hati ketika melalui laluan terbabit dan sentiasa mematuhi arahan papan tanda yang disediakan.